

01/04/2003

MAM hantar delegasi

KUALA LUMPUR: Majlis Aids Malaysia (MAM) akan menghantar delegasi ke Persidangan Antarabangsa Pengurangan Kesan Bahaya Berkaitan Dadah di Chiang Mai, Thailand selama lima hari, mulai 6 April ini.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata buat pertama kalinya, badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan pemulihan dadah bekerjasama dengan kerajaan untuk menghantar delegasi ke persidangan kali ke-14, tahun ini.

Katanya, delegasi lima orang itu terdiri daripada tiga ahli NGO termasuk Pengarah Wawasan dan Belia Kebangsaan, Elisha Tan; wakil Pusat Sehati untuk Wanita (IKLHAS), Fauziah Ismail; Penolong Pengarah Pengasih, Benjamin Ong, serta dua wakil kerajaan iaitu Idris Ahmad dari Jabatan Narkotik Bukit Aman dan Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan (ADK), Datuk Wan Ibrahim Wan Ahmad.

"Dalam persidangan itu kelak, kita akan memperoleh maklumat terkini mengenai isu HIV/Aids dan penyalahgunaan dadah khususnya di Asia dan langkah menanganinya. Antara negara yang berjaya menangani isu ini termasuk Nepal, India, Bangladesh dan Indonesia," katanya pada sidang akhbar mengumumkan senarai delegasi yang akan ke Persidangan Antarabangsa Pengurangan Bahaya Berkaitan Dadah di pejabatnya di sini, semalam.